“Bersugi itu menyucikan mulut, dan mendatangkan keredaan Tuhan.”

Daripada Aisyah RA, beliau berkata: Rasulullah bersabda: “Bersugi itu menyucikan mulut, dan mendatangkan keredaan Tuhan.”

[صحيح] [رواه النسائي وأحمد]

Nabi memberitahu kita bahawa membersihkan gigi dengan kayu daripada pokok Arak dan seumpamanya menyucikan mulut daripada kotoran dan bau-bau yang tidak sedap, Ia juga adalah salah satu sebab Allah meredai hamba-Nya; kerana di dalamnya terkandung ketaatan kepada Allah dan kepatuhan terhadap perintah-Nya, serta kebersihan yang dicintai oleh Allah Taala.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/3588